



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PELAKSANAAN PENTAKSIRAN DALAM
MENENTUKAN PENCAPAIAN TAHAP
PENGUASAAN MURID BERDASARKAN
STANDARD PRESTASI KSSM
PENDIDIKAN JASMANI
TINGKATAN 1**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ROS SHAMIZAWATI BINTI SHAHARUDIN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PELAKSANAAN PENTAKSIRAN DALAM MENENTUKAN PENCAPAIAN TAHAP
PENGUASAAN MURID BERDASARKAN STANDARD PRESTASI KSSM
PENDIDIKAN JASMANI TINGKATAN 1**

ROS SHAMIZAWATI BINTI SHAHARUDIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN JASMANI)
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Pelaksanaan Pentaksiran Dalam Menentukan Pencapaian Tahap Penguasaan
Murid Berdasarkan Standard Prestasi KSSM Pendidikan Jasmani Tingkatan 1

No. Matrik / Matric No.: M20161000734

Saya / I : Ros Shamizawati Binti Shaharudin

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau
kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia
Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official
Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh
organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains
restricted information as specified by the organization where research
was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pencapaian tahap penguasaan murid bagi permainan bola jaring dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani Tingkatan 1 melalui pentaksiran berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Kaedah pra-eksperimen kajian kes sekali dijalankan terhadap tiga kategori sekolah menengah iaitu Sekolah Harian Biasa, Sekolah Kluster Kecemerlangan dan Sekolah Berasrama Penuh dalam Zon Pudu, Kuala Lumpur. Sampel kajian terdiri daripada tiga orang guru Pendidikan Jasmani dan 66 orang murid Tingkatan 1. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Dapatkan kajian menunjukkan pencapaian murid adalah pada Tahap Penguasaan 6 yang tertinggi dalam hieraki Standard Prestasi KSSM bagi Sekolah Berasrama Penuh. Diikuti oleh Sekolah Kluster Kecemerlangan berada pada Tahap Penguasaan 5 dan Tahap Penguasaan 4 bagi Sekolah Harian Biasa. Dapatkan analisis persepsi persetujuan guru dan murid terhadap penggunaan pentaksiran bola jaring berasaskan KSSM menunjukkan peratusan persetujuan berada pada tahap yang tinggi. Analisis ANOVA Sehala menunjukkan terdapat perbezaan skor min yang signifikan [$F(2,63) = 66.982, p = 0.000$] terhadap keempat-empat pentaksiran bola jaring berasaskan KSSM antara tiga kategori sekolah menengah yang dikaji. Kesimpulan kajian menunjukkan pentaksiran bola jaring berasaskan KSSM sesuai digunakan oleh guru untuk menentukan pencapaian tahap penguasaan murid berdasarkan Standard Prestasi. Implikasi kajian menunjukkan penggunaan pentaksiran bola jaring Berasaskan KSSM dapat membantu guru meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan bagi mata pelajaran Pendidikan Jasmani Tingkatan 1.





ASSESSING STUDENTS' ACHIEVEMENT OF THE LEVEL OF COMMAND BASED ON THE PERFORMANCE STANDARDS OF FORM 1 PHYSICAL EDUCATION KSSM

ABSTRACT

This study aimed to determine the level of performance achieved by students in netball as part of the Form 1 Physical Education subject through assessments based on the Secondary School Standard Curriculum (KSSM). The pre-experiment case study method was initiated on three categories of secondary schools, namely Daily Schools, Cluster Schools and Boarding Schools, in the Pudu Zone in Kuala Lumpur. The study samples consisted of three physical education teachers and 66 Form 1 students. Data were analysed descriptively and inferentially. The findings showed that students' achievements were at the highest, which the performance level was at 6th in the KSSM Performance Standards Hierarchy for Boarding Schools. This was followed by the Cluster Schools, which was at level 5, while the Daily Schools were at level 4 of their performance. The findings of the analysis on the perceptual agreement between teachers and students regarding the use of the netball assessment based on KSSM showed that the percentage of agreement was high. One-way ANOVA analysis showed some significant [$F(2,63) = 66.982, p = 0.000$] difference in mean score in the four netball assessment based on performance standard KSSM in comparison to the three categories of secondary schools that were studied. As the conclusion, netball assessment based on Performance Standards KSSM was suitable to be used by teachers when determining students' achievement of the level of performance. The implication of the study is that using netball assessments based on KSSM may assist teachers to enhance the effectiveness of learning and facilitating for the Form 1 Physical Education subject.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Pernyataan Masalah	14
1.4 Objektif Kajian	21
1.5 Persoalan Kajian	22
1.6 Kepentingan Kajian	23
1.7 Batasan Kajian	26





1.8	Definisi Operasional	27
1.8.1	Pentaksiran	28
1.8.2	Tahap Penguasaan	29
1.8.3	Standard Prestasi	30
1.8.4	Standard Prestasi Pendidikan Jasmani	32
1.8.5	Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Jasmani Tingkatan 1	34
1.8.6	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Jasmani Tingkatan 1	35
1.8.7	Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran	36
1.8.8	Kategori Sekolah	41
1.8.8.1	Sekolah Harian Biasa	41
1.8.8.2	Sekolah Kluster Kecemerlangan	41
1.8.8.3	Sekolah Berasrama Penuh	42



BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	43
2.2	Teori Kajian	44
2.2.1	Model ADDIE	44
2.2.2	Model CIPP	45
2.2.3	Pengajaran dan Pembelajaran Berkonsepkan Penaakulan	46
2.2.3.1	<i>Teaching Games for Understanding</i>	48
2.3	Kerangka Konseptual Teoretikal Kajian	53
2.4	Teori Pentaksiran Dalam Bilik Darjah	59
2.5	Pentaksiran Berasaskan Sekolah	63
2.5.1	Konsep Pentaksiran Berasaskan Sekolah	63





2.6	Kajian-kajian Berkaitan	65
2.6.1	Kajian Berkaitan Isu dan Masalah Pendidikan Jasmani	65
2.6.2	Isu dan Masalah Pelaksanaan Pentaksiran	67
2.6.3	Kajian Berkaitan Dengan Kepentingan Pentaksiran dan Penilaian	69
2.7	Rumusan	77
BAB 3	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	80
3.2	Reka Bentuk Kajian	81
3.3	Kerangka Konseptual Kajian	83
3.4	Pemboleh Ubah Kajian	87
3.5	Populasi dan Sampel Kajian	88
3.6	Instrumen Kajian	94
3.6.1	Prosedur Pembentukan Item Pentaksiran	108
3.6.2	Soal Selidik	112
3.7	Kajian Rintis	113
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan	116
3.8.1	Kesahan	116
3.8.2	Kebolehpercayaan	121
3.9	Prosedur Kajian	128
3.9.1	Pelaksanaan Pengumpulan Data	130
3.9.1.1	Pentaksiran Bola Jaring Berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Tingkatan 1	130
3.9.1.2	Pengumpulan Data Persepsi Persetujuan Guru Terhadap Pentaksiran Bola Jaring Berasaskan KSSM Pendidikan Jasmani Tingkatan 1	132





3.9.1.3	Pengumpulan Data Persepsi Persetujuan Murid Terhadap Pentaksiran Bola Jaring Berasaskan KSSM Pendidikan Jasmani Tingkatan 1	134
---------	---	-----

3.10	Penganalisisan Data Statistik	134
------	-------------------------------	-----

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	138
-----	------------	-----

4.2	Latar Belakang Responden	139
-----	--------------------------	-----

4.2.1	Profil Responden Kajian	139
-------	-------------------------	-----

4.3	Pencapaian Tahap Penguasaan Murid Berdasarkan Standard Prestasi Bagi Tajuk Simpan Saya, <i>Watch Your Step!</i> , Sedia Jaring dan Gol! dan <i>Touch Down</i> Melalui Pentaksiran Bola Jaring Berasaskan KSSM Pendidikan Jasmani Tingkatan 1 Terhadap Tiga Kategori Sekolah	144
-----	---	-----

4.4	Perbezaan Pencapaian Tahap Penguasaan Murid Berdasarkan Standard Prestasi Diantara Tiga Kategori Sekolah Melalui Pentaksiran Bagi Kategori Serangan Dalam Permainan Bola Jaring Berasaskan KSSM Pendidikan Jasmani Tingkatan 1	149
-----	--	-----

4.5	Peratusan Persepsi Persetujuan Guru Terhadap Pentaksiran Bola Jaring Berasaskan KSSM Pendidikan Jasmani Tingkatan 1	155
-----	---	-----

4.6	Peratusan Persepsi Persetujuan Murid Terhadap Pentaksiran Bola Jaring Berasaskan KSSM Pendidikan Jasmani Tingkatan 1	159
-----	--	-----

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	163
-----	------------	-----

5.2	Perbincangan	164
-----	--------------	-----

5.2.1	Tahap Pencapaian Penguasaan Murid Berdasarkan Standard Prestasi Bagi Tajuk Simpan Saya, <i>Watch Your Step!</i> Sedia, Jaring dan Gol! dan <i>Touch Down</i>	164
-------	--	-----





5.2.2	Perbezaan Pencapaian Tahap Penguasaan Murid Berdasarkan Standard Prestasi Diantara Tiga Kategori Sekolah Melalui Pentaksiran Bagi Kategori Serangan Dalam Permainan Bola Jaring KSSM Pendidikan Jasmani Tingkatan 1	172
5.2.3	Persepsi Persetujuan Guru Terhadap Pentaksiran Bola Jaring Berasaskan KSSM Pendidikan Jasmani Tingkatan 1	174
5.2.4	Persepsi Persetujuan Murid Terhadap Pentaksiran Bola Jaring Berasaskan KSSM Pendidikan Jasmani Tingkatan 1	177
5.3	Kesimpulan Kajian	180
5.3.1	Implikasi Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran	181
5.3.2	Implikasi kepada Kementerian Pendidikan Malaysia	182
5.3.2.1	Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti	183
5.3.2.2	Lembaga Peperiksaan Malaysia	184
5.3.3	Implikasi terhadap Kurikulum dan Pentaksiran	186
5.3.4	Implikasi Terhadap Bahan Pengajaran dan Kandungan Buku Teks	188
5.3.5	Implikasi Terhadap Pihak Pentadbir Sekolah	189
5.3.6	Implikasi Terhadap Guru	190
5.3.7	Implikasi Terhadap Murid	192
5.4	Sumbangan Kajian	193
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	199
5.6	Penutup	203
RUJUKAN		204
LAMPIRAN		216





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Pernyataan Umum Tahap Penguasaan dan Tafsiran Pendidikan Jasmani	30
1.2 Tafsiran Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi	32
1.3 Standard Prestasi	33
1.4 Aspek 1 : Kemahiran Pergerakan (Domain Psikomotor)	37
1.5 Aspek 2 : Aplikasi Pengetahuan Dalam Pergerakan (Domain Kognitif)	38
1.6 Aspek 5 : Kesukaran (Domain Afektif)	39
3.1 Pemboleh Ubah Kajian	88
3.2 Taburan Populasi Sekolah Kajian	91
3.3 Taburan Sekolah Kajian	92
3.4 S.P. 1.4.1	97
3.5 S.P. 1.4.2	97
3.6 S.P. 5.4.1	97
3.7 S.P. 2.4.1	98
3.8 S.P. 2.4.2	99
3.9 S.P. 1.4.3	100
3.10 S.P. 5.5.1	100
3.11 S.P. 2.4.3	101
3.12 S.P. 2.4.4	102
3.13 S.P. 1.4.4	103





3.14	S.P.5.2.2	103
3.15	S.P. 5.2.4	103
3.16	S.P. 2.4.5	104
3.17	S.P. 1.4.5	105
3.18	S.P. 1.4.6	106
3.19	S.P. 2.4.6	106
3.20	S.P. 5.4.2	106
3.21	S.P.5.5.2	107
3.22	S.P. 2.4.7	107
3.23	Pernyataan Umum Terhadap Penguasaan Pendidikan Jasmani	110
3.24	Kesahan Kandungan Pentaksiran Bola Jaring Berasaskan KSSM Tingkatan 1	119
3.25	Kesahan Item Kandungan Panel Pakar	120



3.26	Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan	122
3.27	Nilai Kebolehpercayaan Pentaksiran Psikomotor	123
3.28	Nilai Kebolehpercayaan Pentaksiran Afektif	124
3.29	Nilai Kebolehpercayaan Pentaksiran Kognitif	125
3.40	Nilai Kebolehpercayaan Soal Selidik Guru	126
3.41	Nilai Kebolehpercayaan Soal Selidik Murid	127
3.42	Jadual Item Pentaksiran	132
3.43	Matrik Penilaian dan Pengukuran	135
3.44	Nilai Rujukan Standard Prestasi KSSM	137
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina dan Sekolah	139
4.2	Data Deskriptif Demografi Responden	141
4.3	Menentukan Pencapaian Tahap Penguasaan Murid Berdasarkan Standard Prestasi Melalui Pentaksiran Bagi Kategori Serangan Dalam Permainan Bola Jaring Berasaskan KSSM Pendidikan Jasmani Tingkatan 1 Terhadap Tiga Kategori Sekolah	145





4.4	Deskriptif Perbezaan Pencapaian Tahap Penguasaan Murid Berdasarkan Standard Prestasi diantara Tiga Kategori Sekolah Melalui Pentaksiran Bagi Kategori Serangan dalam Permainan Bola Jaring Berasaskan KSSM Pendidikan Jasmani Tingkatan 1	150
4.5	Ringkasan Ujian ANOVA Satu Hala Perbezaan Pencapaian Tahap Penguasaan Murid Berdasarkan Standard Prestasi di antara Tiga Kategori Sekolah Melalui Pentaksiran Bagi Kategori Serangan Dalam Permainan Bola Jaring Berasaskan KSSM Pendidikan Jasmani Tingkatan 1	152
4.6	Rumusan Ujian Post HocTukey Perbezaan Pencapaian Tahap Penguasaan Murid Berdasarkan Standard Prestasi di antara Tiga Kategori Sekolah Melalui Pentaksiran Bagi Kategori Serangan Dalam Permainan Bola Jaring Berasaskan KSSM Pendidikan Jasmani Tingkatan 1	154
4.7	Latar Belakang Responden	155
4.8	Persepsi Persetujuan Guru Terhadap Pentaksiran Bola Jaring	157
4.9	Latar Belakang Responden	159
4.10	Peratusan Persepsi Persetujuan Murid Terhadap Pentaksiran Bola Jaring	160





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Langkah Pembentukan Pembelajaran ADDIE	45
2.2 <i>Model Teaching Games for Understanding</i> (Bunker dan Thorpe, 1982)	49
2.3 Kerangka Konseptual Teoretikal Kajian Berdasarkan Model ADDIE (Rossett, 1987), Model CIPP (Stufflebeam, 1971) dan Modul Pentaksiran Berdasarkan TGfU (Bunker dan Thorpe, 1982)	54
2.4 Pentaksiran Sebahagian Daripada PdPc (Fautley & Savage, 2008)	60
2.5 Fungsi Pentaksiran di Bilik Darjah (Bookhart, 1997)	61
3.1 Reka Bentuk Pra eksperimen – Kajian Kes Sekali (<i>one shot case study</i>)	83
3.2 Kerangka Konseptual Kajian	85
3.3 Proses Pembinaan Item Pentaksiran Bola Jaring Berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Tingkatan 1. Adaptasi dari Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan dan Pembangunan Sumber Manusia(PPPSM 2013), 28-29 Februari 2012, Universiti Putra Malaysia	108





SENARAI SINGKATAN

BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
HSP	Huraian Sukatan Pelajaran
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
JERI	Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
MRSM	Maktab Rendah Sains Mara
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PT3	Pentaksiran Tingkatan 3
SBP	Sekolah Berasrama Penuh
SPP	Sistem Pentaksiran Pendidikan
SPSS	<i>Statistical Packages For The Social Science</i>





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xvii

SP **Sukatan Pelajaran**

TGfU *Teaching Games for Understanding*

UPSR Ujian Pencapaian Sekolah Rendah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENDAHULUAN



Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) dalam sistem pendidikan di Malaysia bermula dari tahun 2006 sehingga 2010 telah melalui tempoh perubahan sistem pendidikan yang menunjukkan bahawa kerajaan begitu serius untuk meningkatkan kualiti serta penambahbaikan bagi sistem pendidikan di Malaysia. Tranformasi yang ketara telah dilakukan bagi memastikan pendidikan di Malaysia mencapai perubahan selaras dengan peringkat global contohnya berlaku pelbagai inovasi dalam sistem pendidikan bagi meningkatkan sistem pendidikan negara. Malaysia telah menjadikan amalan antarabangsa sebagai kayu pengukur untuk memajukan sistem pendidikan di Malaysia.





Bermula tahun 2017, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah diperkenalkan kepada semua murid Tingkatan 1 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Semakan semula telah dilakukan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi mewujudkan beberapa aspek pembaharuan kurikulum yang baharu bagi murid Tingkatan 1. Ini adalah kerana kurikulum yang telah dilaksanakan pada tahun 1989 iaitu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah digantikan secara berperingkat-peringkat dengan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).

Dasar dan langkah baharu dibawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, KSSM diberi nafas baru serta digubal berdasarkan standard antarabangsa yang menjadi penanda aras dan perlu dilaksanakan diperingkat sekolah menengah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Terdapat enam tunjang utama KSSM iaitu komunikasi, perkembangan fizikal dan estetika, kemanusiaan, keterampilan diri, sains dan teknologi serta kerohanian, sikap dan juga nilai.

Selain itu, terdapat dua perkara penting yang menjadi asas kepada pembentukan sesebuah kurikulum iaitu yang pertama, perubahan itu perlu difahami oleh organisasi, kedua, kurikulum dan konteks sosial-institusi perlulah berkait rapat sepertimana pelaksanaan kurikulum tersebut. Menurut (Sarason, 1990), seorang guru haruslah memahami terlebih dahulu kurikulum baharu dan kaedah pelaksanaan supaya pihak yang terlibat dapat menjalankan pelaksanaan dengan lebih berkesan dan teratur mengikut sistem yang telah ditetapkan oleh pihak KPM. Pembaharuan ini bagi semua mata pelajaran teras termasuklah mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan Tingkatan 1.





Sistem Pendidikan Negara telah berubah mengikut peredaran masa. Salah satunya ialah terdapat perubahan dibawah Sistem Pendidikan Kebangsaan iaitu Standard Pentaksiran mula diperkenalkan. Menerusi Standard Pentaksiran ini, murid yang lemah penguasaan sesuatu mata pelajaran dikenalpasti, dan seterusnya guru dapat membaiki serta membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan lagi pencapaian murid (Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016).

Fungsi utama pentaksiran yang telah diperkenalkan oleh Malaysia adalah sebagai petunjuk terbaik kualiti bagi pendidikan negara. Secara umumnya, tujuan pentaksiran yang dijalankan adalah untuk mengetahui pencapaian tahap penguasaan murid didalam semua mata pelajaran serta seterusnya dengan pentaksiran juga murid dapat memperbaiki pembelajaran melalui maklumat yang diberi (Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2013).

Pentaksiran sekolah ialah proses mengumpul maklumat yang autentik dan diajar oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran merangkumi tiga jenis iaitu pentaksiran sebagai pembelajaran (*assessment as learning*), pentaksiran tentang pembelajaran (*assessment of learning*) dan pentaksiran untuk pembelajaran (*assessment for learning*). Menurut Azizi (2010), pentaksiran tentang pembelajaran digunakan untuk mentaksir sama ada murid boleh mengaplikasikan konsep, kemahiran, pengetahuan dan sikap yang berkaitan dengan hasil kurikulum. Di peringkat sekolah kebiasaananya pentaksiran tentang pembelajaran melibatkan peperiksaan akhir tahun yang juga dikenali sebagai pentaksiran sumatif. Sistem penggredan dan nombor direkodkan untuk melihat pencapaian murid. Selain itu, Azizi





(2010), dalam konteks pentaksiran tentang pembelajaran bertujuan untuk memaklumkan kepada masyarakat terutama sekali kepada ibu bapa berkaitan kebolehan murid dalam bidang kurikulum.

Manakala pentaksiran sebagai pembelajaran menurut Noraini (2005), pentaksiran yang dilakukan secara berterusan dan bersifat formatif di mana guru menunjukkan tahap penguasaan murid. Terdapat tiga konsep pentaksiran sebagai pembelajaran iaitu 1) mengkaji pentaksiran 2) memahami kelompongan pembelajaran 3) memahami maklum balas (Earl & Katz, 2006). Pentaksiran ini memberi lebih tumpuan dan pemahaman bagaimana murid melakukan penyesuaian kendiri dengan pembelajaran kendiri. Justeru itu, pendidik perlu menyediakan peluang untuk membimbing dan memantau serta menjalankan penilaian kendiri supaya murid boleh menilai serta membolehkan mereka menetapkan matlamat akad dalam proses pembelajaran.

Pentaksiran untuk pembelajaran pula ditakrifkan sebagai suatu proses mendapatkan dan menginterpretasikan data yang diperoleh bagi membuat keputusan mengenai kedudukan murid dalam pembelajaran, hala tuju murid serta kaedah terbaik untuk sampai ke tempat itu (Noraini, 2005). Guru dan murid bekerjasama, merancang dan menilai semula bagi membantu dalam meningkatkan pencapaian murid. Pendidik juga berpeluang untuk menentukan objektif pengajaran dan seterusnya dapat meningkatkan prestasi pembelajaran murid.





Untuk mengetahui sedalam mana kefahaman dan pengetahuan murid terhadap kemahiran dan konsep yang diajar, pendidik haruslah menggunakan kaedah pentaksiran untuk menguji murid (Noraini, 2005). Bagi mencapai matlamat ini, pentaksiran haruslah dilakukan secara terperinci pada peringkat awal, semasa mahupun diakhir pembelajaran dijalankan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan untuk menjalankan pentaksiran ini memerlukan masa yang mencukupi, disiplin murid serta melibatkan perbelanjaan seperti wang tetapi ia penting dan perlu dijalankan seiring dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia.

1.2 Latar Belakang Kajian



Malaysia memerlukan satu sistem kurikulum pendidikan yang berkualiti merangkumi semua aspek yang berpandukan kepada satu paksi iaitu Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dalam sistem formal pendidikan negara, Malaysia bermula dengan lebih berani untuk melakukan transformasi pendidikan. Transformasi tersebut melibatkan proses perubahan pada sistem kurikulum sekolah yang asal kepada sistem persekolahan baharu melibatkan organisasi, pengurusan kurikulum perubahan bentuk, pedagogi, kandungan, bahan di sekolah dan kaedah pentaksiran. Dalam tempoh terdekat, bidang pendidikan di Negara kita telah melakukan pelbagai transformasi untuk kebaikan kita bersama.





Pendidikan Jasmani adalah kurikulum yang wajib dipelajari dan diikuti oleh semua murid sama ada murid sekolah rendah dan sekolah menengah (Akta Pendidikan, 1996). Mata pelajaran yang lain adalah dilarang sama sekali menggunakan peruntukan masa atau waktu mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan pihak sekolah haruslah bertindak adil terhadap pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah khususnya sekolah menengah dan Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah menyatakan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.3/1979; Bil.2/1988; Bil.25/1998 dan Bil.8/1990 (Pelaksanaan Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan). Mata pelajaran Pendidikan Jasmani banyak memberi sumbangan terhadap individu seperti kecergasan mental dan fizikal, malahan terhadap kesihatan serta perkembangan keyakinan dan daya pemikiran kanak-kanak (Stirling & Belk, 2002; Wuest & Bucher, 2009).



Menurut Wee (2009), Pendidikan Jasmani merupakan mata pelajaran yang berkaitan dengan kemahiran atau pengetahuan yang diperolehi daripada peristiwa dan melalui proses pendidikan secara keseluruhannya mempunyai kaitan dengan kehidupan individu. Selain itu juga, bidang Pendidikan Jasmani lebih tertumpu kepada pembangunan keseluruhan individu dan disebabkan itu bidang ini wujudnya jurang perbezaan diantara mata pelajaran Pendidikan Jasmani dengan bidang yang lain. Tambahan pula, bidang Pendidikan Jasmani saling berkait rapat dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) untuk memperkembangkan potensi seseorang individu dengan memberikan sepenuh perhatian kepada kualiti fizikal, mental dan emosi melalui keseluruhan keseimbangan dari jasmani, emosi, rohani dan intelek atau JERI.





Awal tahun 2007, bagi menangani isu pendidikan yang berfokuskan kepada peperiksaan, Menteri Pelajaran dan Pengarah Lembaga Peperiksaan (LP) telah mengumumkan bahawa beberapa perubahan perlu dilakukan dalam sistem pendidikan negara dan yang paling ketara ialah perubahan dalam sistem pentaksiran di sekolah. Sebanyak 30 buah Sekolah Kluster Kecemerlangan telah dipilih untuk menerajui kemajuan dan kegemilangan pendidikan di Malaysia yang telah diumumkan oleh Menteri Pelajaran Malaysia, Dato' Hishamudin Bin Tun Hussein (Tan, 2010).

Kementerian mengorak langkah yang lebih positif pada tahun 2017 dengan memperkenalkan kurikulum baharu iaitu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan sebelum itu pada tahun 2011 Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KSSR) diperkenalkan. Di Malaysia, pentaksiran menjadi tumpuan dalam sistem pendidikan akibat dari Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPMTbupsi 2013-2025) iaitu sedia membuat beberapa perubahan besar yang tercatat di dalam bab 4 aspek pembelajaran murid iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia akan menilai semula kurikulum dan pentaksiran. Di antara garis panduan yang dinyatakan adalah untuk penambahan dari bilangan item untuk meningkatkan kerangka pentaksiran serta menguji kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dan menjadikan rujukan standard sebagai panduan dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dan peperiksaan awam (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Proses pembelajaran dan pemudahcaraan adalah sebahagian daripada konsep pentaksiran serta menggabungkan proses-proses dokumentasi yang berkaitan dengan sikap, pengukuran pengetahuan dan sikap (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2013). Melalui pentaksiran, murid dapat mengetahui serta mendalami proses pembelajaran





yang berterusan agar memaksimumkan pencapaian murid melalui bantuan yang diberikan oleh guru (Azizi, 2014).

Melalui perspektif pendidikan, Lund dan Tunnehill (2010) menyatakan bahawa pentaksiran ialah proses untuk mengumpul beberapa maklumat yang diperolehi daripada sumber bagi membantu guru untuk membuat keputusan mengenai murid. Pendapat Azizi (2010), melalui pentaksiran, murid lebih bermotivasi menjadi lebih baik, manakala guru dapat memberi ilmu yang lebih berkesan dan dapat menjadikan sistem pendidikan yang lebih bermakna. Tambahan pula, guru boleh mengesan pencapaian serta kebolehan murid dengan cepat dan pantas melalui kaedah pentaksiran. Selain daripada itu juga guru dapat menilai kebolehan, kemampuan serta kekurangan murid melalui maklumat hasil daripada pentaksiran.



Pentaksiran dan penilaian menjadi lebih holistik dan autentik kerana fokus Kementerian Pendidikan Malaysia kepada sistem ini ialah KPM ingin melihat secara menyeluruh sejauh mana pentaksiran dapat membentuk prestasi murid dan bertepatan dengan matlamat untuk membangunkan modal insan gemilang melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pandangan ini bertepatan dengan matlamat Pentaksiran Berasaskan Sekolah iaitu;

- i. memberi gambaran terhadap prestasi seseorang murid dalam pembelajaran.
- ii. memberi penilaian semasa proses pembelajaran dan pemudahcaraan berlangsung terhadap aktiviti yang dijalankan.





iii. mendapatkan informasi berkaitan proses pembelajaran dan pemudahcaraan serta baiki dan merancang secara berterusan.

(Mohd Isha, 2011).

Jika dilihat tujuan utama PBS adalah untuk menilai potensi dan prestasi murid, kesediaan untuk murid belajar serta untuk mengukur pencapaian murid. Selain itu juga sistem pentaksiran ini dapat meningkatkan kualiti pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) murid. Dengan sistem pentaksiran juga, secara tidak langsung dapat memantau hasil kerja pihak pengurusan sekolah dan yang paling penting ialah kualiti kerja guru. Hasil melalui pentaksiran ini, dapat memaklumkan kepada ibu bapa dan juga pihak luar bahawa pendidikan yang baik dan berkualiti tinggi sedang dihasilkan (Brown, 2011). Selain itu juga, pelaksanaan PBS haruslah mengikuti acuan

05-4506832 sedia ada didalam sistem pendidikan kebangsaan dan semua aspek penilaian mencakupi supaya dapat mewujudkan keseimbangan dari aspek JERI iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek yang selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Jamil, 2008).

Pandangan daripada Nevo (1994) menyatakan bahawa, kriteria utama pentaksiran ialah murid dinilai berdasarkan penglibatan mereka secara aktif dengan menggunakan pengetahuan sedia ada secara kreatif untuk menyelesaikan masalah yang autentik serta kehidupan yang sebenar. Melalui PBS, seorang guru dapat memperbaiki kaedah pengajaran serta maklum balas dapat dihasilkan kerana ianya telah diiktiraf secara meluas dalam melaksanakan sistem pentaksiran formatif (Bennett, 2011).





Bagi Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani Tingkatan 1, murid dinilai melalui Standard Prestasi yang diterjemahkan dalam bentuk pentaksiran. Murid perlu mencapai tahap penguasaan 1 hingga 6 yang dahulunya dikenali sebagai Band bagi membolehkan mereka menguasai keseluruhan tajuk yang dipelajari. Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) ini telah digubal berdasarkan Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016).

Justeru itu, kurikulum baharu yang diperkenalkan ini melalui Kurikulum Standard Sekolah Menengah memberi penekanan terhadap sistem penilaian dan pentaksiran dan lebih tertumpu untuk menilai kekuatan dan kelemahan individu murid serta lebih menekankan kepada kaedah PdPc. Kepelbagaian kaedah untuk mentaksir yang boleh digunakan oleh guru kepada murid untuk menentukan masalah yang dihadapi dalam tajuk tertentu. Guru juga boleh merancang langkah seterusnya daripada dapatan pentaksiran yang telah dijalankan. Akhir sekali aktiviti pengayaan dan pemulihan dapat dijalankan.

Sebagai seorang guru, kepelbagaian kaedah boleh digunakan pakai untuk mengukur dan melihat pencapaian murid. Bagi mata pelajaran Pendidikan Jasmani, pentaksiran dijalankan semasa proses PdPc yang sedang berlangsung serta menerusi domain psikomotor, kognitif dan afektif dapat mengukur penguasaan kemahiran didalam bidang Pendidikan Jasmani.





Berdasarkan KSSM Pendidikan Jasmani Tingkatan 1, bagi bidang permainan strategi pembelajaran iaitu *Teaching Games for Understanding* (TGfU) pengolahaan pembelajaran berkaitan dengan pengajaran dan pentaksiran. Teknik pengajaran melalui TGfU adalah satu-satu konsep pendekatan pengajaran secara holistik dalam Pendidikan Jasmani. Jika guru tidak mahir dalam penggunaan pembelajaran TGfU, maka proses PdPc dilakukan dalam keadaan sambil lewa sahaja. Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) telah menetapkan bahawa guru perlu mengikuti format dan langkah-langkah yang telah ditetapkan bagi melaksanakan sistem PBS di sekolah.

Guru mempunyai autonomi untuk melaksanakan PBS sama ada menggunakan pentaksiran formatif iaitu semasa proses pembelajaran berlangsung, pentaksiran dijalankan ataupun pentaksiran sumatif yang dijalankan pada akhir pembelajaran berlangsung. Dalam konteks pentaksiran, penilaian formatif lebih sesuai digunakan daripada penilaian sumatif kerana melalui penilaian formatif guru boleh mencapai objektif pembelajaran dan penilaian ini dijalankan secara berterusan. Tambahan pula menerusi penilaian formatif juga dapat memberi gambaran kepada guru untuk membuat penilaian terhadap kelemahan murid serta proses pencapaian kognitif murid bagi tajuk pembelajaran (Bhasah, 2009). Tanggungjawab guru ialah mereka perlu menjalankan PBS dengan mentadbir, menaksir, menskor dan merekod semua pencapaian afektif murid di peringkat sekolah (Zambri, Mohamad Amin & Nik, 2010).

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Pendidikan Jasmani perlu dilaksanakan secara formatif dengan memberi fokus kepada prestasi murid dalam konteks pembelajaran. Walau bagaimanapun, kefahaman yang kurang jelas tentang





bagaimana untuk mentaksir menyebabkan guru-guru terasa terbeban. Peranan proses ini ialah bagi membantu seseorang membuat keputusan secara holistik sama ada guru atau pentadbir berkaitan pelaksanaan bagi keseluruhan dan menjalankan proses penambahbaikan pada masa hadapan (Najib, 2011).

Jika dilihat dari aspek pengeluaran buku-buku panduan pentaksiran di pasaran, iaanya tidak menepati ciri-ciri standard pentaksiran. Ini kerana tiap-tiap soalan yang ditanya hanya mempunyai satu soalan secara menyeluruh walhal dalam bidang kemahiran mempunyai 3 domain iaitu Aspek 1: Kemahiran Pergerakan (Domain Psikomotor), Aspek 2: Aplikasi/Pengetahuan Dalam Pergerakan (Domain Kognitif), dan Aspek 5: Kesukunan (Domain Afektif). Jadi dari situ, guru tidak boleh mentaksir berdasarkan buku dari pasaran kerana tidak selari dengan Standard Prestasi yang ditetapkan.



Hasil dapatan daripada komunikasi bersama dengan dua orang guru opsyen Pendidikan Jasmani sekolah menengah menyatakan bahawa mereka melaksanakan pentaksiran formatif bagi domain psikomotor secara kaedah pemerhatian guru dan untuk domain kognitif dan afektif melalui ujian pertengahan dan akhir tahun bagi pentaksiran sumatif. (Guru A & Guru B, komunikasi personel, 16 Februari 2017).

Terdapat pelbagai faktor yang menambahkan lagi ketidaksediaan guru dalam melaksanakan pentaksiran seperti kekurangan pengetahuan, latihan dan kemahiran serta sumber bahan. Jika dilihat dari konteks kesediaan membawa maksud kesediaan, keupayaan dan kemampuan seseorang guru untuk menerima sesuatu perkara dari segi mental dan fizikal serta emosi. Menurut Wearmouth, Edwards & Richmond, (2000)





menyatakan bahawa dalam konteks guru, kesediaan membawa erti adakah seseorang guru sanggup memikul tanggungjawab yang menyeluruh meliputi aspek pengetahuan, sikap, minat dan juga pengetahuan.

Selaras dengan kajian Radin (2008), beliau mendapati bahawa guru di era pentaksiran ini mahukan latihan atau kursus yang professional bagi mendapatkan ilmu pengetahuan dan serta kemahiran untuk pentaksir supaya guru-guru boleh melaksanakan proses pentaksiran ini dengan betul dan berkesan. Selain itu, sumber bahan seperti Manual Pentaksiran, Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid, contoh pemarkahan dan contoh instrumen perlu dibekalkan kepada guru-guru untuk memudahkan proses pentaksiran. Dapatan kajian tersebut menyatakan bahawa ibu bapa meragui dan mempertikaikan kaedah dan proses pentaksiran itu dijalankan.

Sehubungan dengan itu, betapa pentingnya pengetahuan dan kemahiran guru dalam melaksanakan proses pentaksiran selain campur tangan dari pihak ibu bapa yang perlu ditangani oleh guru. Kajian secara '*online*' oleh Lembaga Peperiksaan berkaitan Kajian Penataran Penambahbaikan PBS dan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) menunjukkan bahawa pihak guru dan ibu bapa masih belum mencapai kefahaman berkaitan PBS.





1.3 Pernyataan Masalah

Negara-negara maju seperti Amerika, Kanada, New Zealand, United Kingdom, Australia dan Hong Kong telah lama menjalankan sistem PBS dan oleh sebab itu telah menjadi penanda aras kepada sistem pendidikan di Malaysia. Pentaksiran yang dijalankan di Singapura (*Bedok South Secondary School-Physical Education*, 2019), pentaksiran yang dinilai ialah kemahiran fizikal (praktikal 30% dan teori, 20%). Manakala kemahiran fizikal (30%) dan sikap (20%). Kemahiran fizikal dinilai berdasarkan kepada amali bagi dua jenis permainan.

Pentaksiran di Hong Kong melibatkan penilaian formatif dan sumatif berdasarkan *Curriculum Development Council and the Hong Kong Examination and Assessment Authority* (2015). Penglibatan dua aktiviti fizikal (20%) dan kecerasan fizikal dinilai berdasarkan pentaksiran berdasarkan sekolah (*school-based assessment*). Kertas yang diwajibkan keatas murid untuk menduduki peperiksaan ialah (kertas 1, 50%) dan kertas 2, 20%).

Oleh sebab itu, KPM telah berhasrat supaya Malaysia berada diperingkat teratas dalam sistem pentaksiran (PPPM 2013-2015). Jika dilihat kepada keseluruhan pentaksiran, tidak menggambarkan terhadap keberhasilan sekolah tetapi bidang pentaksiran dapat mencerminkan kekuatan dan kelemahan kepada sistem pendidikan.

Pihak yang bertanggungjawab iaitu Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM), Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan bahawa pentaksiran Pendidikan Jasmani wajib dijalankan kepada semua murid Tingkatan 1 semasa proses PdPc





berlangsung. Setelah berlakunya perubahan dan penambahbaikan dalam sistem pendidikan di Malaysia, pelaksanaan PBS diperingkat sekolah menengah diteruskan setelah pelaksanaannya bermula pada tahun 2012. Perkara ini sedikit sebanyak memberi kebimbangan kepada guru dalam melaksanakan PBS. Pandangan ini adalah berpadanan dengan kajian yang dijalankan oleh Tunstall (2001) berkaitan dengan kebimbangan guru-guru berkaitan dengan PBS. Mereka teragak-agak untuk menjalankan pentaksiran disebabkan oleh kurang mahir dalam mentaksir. Hal ini telah menjelaskan bahawa pentaksiran yang dilakukan keatas murid merupakan perkara yang sukar terutama bagi guru yang baharu.

Berdasarkan latar belakang kajian, masalah utama guru yang sebenarnya ialah masalah untuk mentaksir murid. Guru tiada instrumen yang standard untuk digunakan bagi menilai pentaksiran murid contoh berkaitan dengan bidang kemahiran iaitu permainan. Pentaksiran Pendidikan Jasmani Tingkatan 1 diuji berdasarkan deskriptor dan band satu hingga enam (1-6) yang perlu dikuasai dan murid perlu mencapai tahap penguasaan sebagai proses PdPc. Berdasarkan dokumen yang dihasilkan KPM (2014), maksud deskriptor ialah pernyataan dan ringkasan yang perlu dikuasai oleh murid iaitu kemahiran, nilai dan pengetahuan terhadap setiap aras bagi standard penguasaan. Walaupun terdapat bahan rujukan sebagai panduan guru untuk menilai, tetapi terdapat juga rungutan dari pihak guru kerana mereka masih keliru apabila hendak menjalankan pentaksiran. Ini kerana deskriptor yang diberikan untuk menguji murid didapati kurang jelas. Disebabkan itu, pemberian skor kepada murid didapati tidak adil dan berlaku belas ihsan guru terhadap murid berbanding dengan keupayaan sebenar murid tersebut (Gopala, et al., 2013).



Proses penilaian sekarang yang dijalankan oleh guru seperti mana pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sarankan iaitu menentukan objektif pembelajaran berdasarkan Standard Pembelajaran yang hendak ditaksir, merancang dan membina instrumen pentaksiran, melaksanakan pentaksiran, merekod hasil pentaksiran, menganalisis maklumat pentaksiran, melapor dan membuat tindakan susulan (KPM, 2018). Namun didapati belum ada satu instrumen yang menyeluruh bagi menaksir standard pembelajaran untuk guru menjalankan pentaksiran PBS. Kajian Norkhalid (2012), melaporkan bahawa tiada instrumen standard yang boleh digunakan oleh guru dalam menilai aras pembelajaran murid dalam tajuk kemahiran permainan Bola Baling.

PBS merupakan satu proses pembelajaran yang baru dalam sistem pentaksiran bagi menggantikan peperiksaan Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah berpusat iaitu UPSR dan PMR. Rentetan dari itu, guru menggalas satu tanggungjawab yang sepenuhnya untuk menjalankan pentaksiran terhadap murid sekolah. Perkara yang sering terjadi dikalangan guru ialah sikap kurang keyakinan untuk melaksanakan pentaksiran disebabkan oleh kekurangan ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk melaksanakan pentaksiran secara berkesan (Othman et al., 2013).

Hasil dari laporan Jemaah Nazir menyatakan bahawa guru masih lagi belum menguasai dan mendalami sepenuhnya berkaitan proses pentaksiran. Disebabkan itu juga guru menjalankan pentaksiran sebagai satu produk dan tidak sebagai satu proses (Tan, 2010). Tambahan pula, guru tidak diberi kursus atau buku panduan bagaimana untuk mentaksir secara betul dan tepat (Noorzeliana, 2016). Lembaga peperiksaan telah membuat kajian '*online*', keputusan yang diperolehi ialah 90 peratus guru Tahun



1, 2 dan 3 serta 83 peratus guru Tingkatan 1, tahu berkaitan pengertian pentaksiran tetapi tidak begitu jelas mengenainya (Khalil & Awang, 2016).

Tambahan pula, guru yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pentaksiran ini mestilah mengikuti prosedur pentaksiran yang telah ditetapkan. Menurut Fullan (1993), menyatakan bahawa guru adalah penggerak utama bagi menentukan kualiti polisi pendidikan yang baharu. Ini kerana guru sering terlibat dalam perubahan sistem pendidikan Negara dan kadang kala menemui kegagalan kerana kurangnya perhatian dan pemahaman dari aspek pelaksanaan khususnya berkaitan dengan para pelaksana iaitu guru sebagai agen pelaksana.

Masalah yang dihadapi kini disebabkan ketidaksungguhan guru untuk mentaksir dan akibatnya menjaskan seluruh sistem pentaksiran (Tan, 2010; Noorzeliana, 2016). Disebabkan oleh perkara itu, kualiti pentaksiran terjejas dan dipertikai jika tiada pemantauan dari pihak KPM. Jika perkara ini terjadi, dibimbangi guru salah membuat sesuatu keputusan dari segi ketelusan dan keseragaman mentaksir terhadap murid. Kebiasaannya amalan ini merupakan faktor ataupun salah satu elemen penting bagi menentukan pencapaian murid sama ada memperolehi gred terbaik dan menepati usaha mereka sepanjang proses PdPc.

Tan (2010) telah membincangkan berkenaan perkara ini dimana kurang pemantauan dari pihak atasan menyebabkan guru leka dan tidak bersungguh-sungguh dalam melakukan proses pentaksiran. Pemantauan dilakukan selepas proses pentaksiran iaitu hanya pada kertas sahaja. Menurut Shepard (2000), sesuatu paradigma perlu diubah dalam sistem pendidikan, kerana peranan guru amat penting





sebagai pelaksana dan agen perubahan serta perlu diberi pendedahan yang secukupnya atau diberi latihan supaya mahir untuk melaksanakannya. Oleh itu, instrumen pentaksiran yang ada perlu mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang standard untuk mengelakkan timbul isu berkaitan dengan kemahiran guru, kepercayaan, latihan, sikap dan pengetahuan (Shepard, 2000).

Dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani Tingkatan 1 melalui Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) terdapat beberapa bidang kemahiran seperti dalam kategori Serangan iaitu bola jaring. Menerusi kemahiran ini murid didedahkan dengan kemahiran menghantar dan menerima bola (Simpan Saya), gerak kaki (*Watch your step!*), menjaring (Sedia, Jaring Gol!) serta mengadang (*Touch Down*). Kandungan dalam bidang ini membolehkan murid mengaplikasikan kemahiran semasa permainan kecil yang memfokuskan kepada kemahiran bola jaring.

Jika dilihat kepada kandungan Standard Prestasi, setiap tahap penguasaan mempunyai tafsiran yang membawa maksud murid telah menguasai sesuatu perkara serta menjadi panduan guru dalam menilai kemahiran bola jaring. Guru perlu mahir untuk memberi tahap penguasaan kepada murid ketika melaksanakan pentaksiran. Guru perlu menggunakan pertimbangan professional untuk membuat keputusan yang adil dan beretika bagi menentukan tahap penguasaan murid berdasarkan kepada pentaksiran pada akhir PdPc.

Terdapat empat pertimbangan professional yang perlu diikuti oleh guru dalam memberi keputusan pencapaian tahap penguasaan murid iaitu pengetahuan, pengalaman, input murid dan tanggungjawab professional (KPM, 2018). Tetapi





berdasarkan komunikasi personel dengan guru opsyen Pendidikan Jasmani sekolah menengah menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia ada menyediakan buku teks dan buku panduan pengajaran Pendidikan Jasmani tetapi tidak menyediakan satu pentaksiran yang standard bagi guru untuk mentaksir pencapaian murid (Guru C, komunikasi personel, 22 Mac 2017).

Kelemahan yang ketara guru dalam melaksanakan PdPc ialah alat bantu mengajar (ABM). Kebanyakan guru masih menggunakan buku teks sebagai alat bantu mengajar. Buku teks juga amat penting bagi guru sebagai petunjuk sukan pelajaran dan panduan untuk merancang PdPc. Isi kandungan yang terkandung di dalam buku teks mestilah mengikut kehendak kurikulum termasuklah DSKP. Isi kandungan yang terkandung didalam buku teks Pendidikan Jasmani Tingkatan 1 khususnya dalam

Kategori Serangan iaitu bola jaring mempunyai aktiviti berkaitan aspek Psikomotor dan Kognitif. Aktiviti bagi aspek Afektif tiada dalam kandungan buku teks tetapi ada dicatat sebagai unit pembelajaran yang memerlukan guru merekacipta secara kreatif dalam PdPc. Oleh sebab itu, DSKP digubal dan guru perlu melaksanakan PBS dalam konteks pembaharuan kurikulum.

Menurut Mohd Fadzly (2011) untuk mendapatkan sesuatu kejayaan berkaitan dengan pembaharuan kurikulum, amatlah bergantung kepada guru yang melaksanakan, kerjasama dari penggubal kurikulum dan juga pihak yang berkaitan dengan penggubalannya. Selain itu juga, guru sebagai watak utama untuk melaksanakan kurikulum dan perlu menerima pembaharuan kurikulum dengan semangat dan penuh komitmen serta kesediaan untuk melakukan perubahan.





Perubahan ini perlu guru laksanakan dengan baik dan sempurna supaya matlamat dan hasrat kerajaan dapat terlaksana.

Pandangan guru terhadap kurikulum baharu amatlah diberi perhatian dalam melakukan perubahan kerana ianya bakal memberi kesan atau implikasi terhadap masa depan. Tambahan pula, sebagai seorang guru haruslah dapat menyesuaikan diri dengan apa juga perubahan yang telah ditetapkan dari segi pengetahuan, kefahaman, kesediaan dan yang paling penting ialah pengetahuan terhadap sesuatu perubahan. Zuraidah (2013) menyatakan bahawa guru perlu menterjemahkan kurikulum baharu dengan baik supaya guru lebih memahami dalam menjalankan proses PdPc.

Oleh sebab itu, penyelidik mengambil peluang untuk membina satu pentaksiran bola p jaring yang berdasarkan KSSM dalam kategori serangan yang merangkumi semua aspek Psikomotor, Kognitif dan Afektif agar dapat membantu semua guru dalam mendapatkan satu penilaian yang berkualiti dan dalam masa yang sama dapat membantu murid yang lemah menguasai dan memperbaiki dalam pembelajaran mereka.





1.4 Objektif Kajian

Penyelidik menjalankan kajian ini adalah untuk mengenal pasti pencapaian tahap penguasaan murid berdasarkan Standard Prestasi dalam kategori serangan bola jaring berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Jasmani Tingkatan 1 melalui pentaksiran. Kajian ini dengan khususnya mempunyai beberapa objektif iaitu:

- i. Menentukan pencapaian tahap penguasaan murid berdasarkan Standard Prestasi melalui pentaksiran bagi kategori serangan dalam permainan bola jaring berasaskan KSSM Pendidikan Jasmani Tingkatan 1 terhadap tiga kategori sekolah.
- ii. Menilai perbezaan pencapaian tahap penguasaan murid berdasarkan Standard Prestasi diantara tiga kategori sekolah melalui pentaksiran bagi kategori serangan dalam permainan bola jaring berasaskan KSSM Pendidikan Jasmani Tingkatan 1.
- iii. Mengenal pasti persepsi persetujuan guru terhadap pentaksiran bola jaring berasaskan KSSM Pendidikan Jasmani Tingkatan 1.
- iv. Mengenal pasti persepsi persetujuan murid terhadap pentaksiran bola jaring berasaskan KSSM Pendidikan Jasmani Tingkatan 1.



1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian berikut dibentuk bertujuan untuk menjawab beberapa persoalan berkaitan dengan instrumen pentaksiran kajian yang dibina:

- i. Apakah pencapaian tahap penguasaan murid berdasarkan Standard Prestasi melalui pentaksiran bagi kategori serangan dalam permainan bola jaring berasaskan KSSM Pendidikan Jasmani Tingkatan 1 terhadap tiga kategori sekolah?
- ii. Sejauh manakah pencapaian tahap penguasaan murid berdasarkan Standard Prestasi bagi tajuk Simpan Saya melalui pentaksiran bola jaring berasaskan KSSM Pendidikan Jasmani Tingkatan 1 terhadap tiga kategori sekolah?
- iii. Sejauh manakah pencapaian tahap penguasaan murid berdasarkan Standard Prestasi bagi tajuk *Watch Your Step!* melalui pentaksiran bola jaring berasaskan KSSM Pendidikan Jasmani Tingkatan 1 terhadap tiga kategori sekolah?
- iv. Sejauh manakah pencapaian tahap penguasaan murid berdasarkan Standard Prestasi bagi tajuk *Sedia, Jaring dan Gol!* melalui pentaksiran bola jaring berasaskan KSSM Pendidikan Jasmani Tingkatan 1 terhadap tiga kategori sekolah?
- v. Sejauh manakah pencapaian tahap penguasaan murid berdasarkan Standard Prestasi bagi tajuk *Touch Down* melalui pentaksiran bola jaring berasaskan KSSM Pendidikan Jasmani Tingkatan 1 terhadap tiga kategori sekolah?
- vi. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian tahap penguasaan murid berdasarkan Standard Prestasi diantara tiga kategori sekolah

melalui pentaksiran bagi kategori serangan dalam permainan bola jaring berasaskan KSSM Pendidikan Jasmani Tingkatan 1?

- vii. Berapakah peratusan persepsi persetujuan guru terhadap pentaksiran bola jaring berasaskan KSSM Pendidikan Jasmani Tingkatan 1?
- viii. Berapakah peratusan persepsi persetujuan murid terhadap pentaksiran bola jaring berasaskan KSSM Pendidikan Jasmani Tingkatan 1?

1.6 Kepentingan Kajian

Tujuan kajian untuk membantu guru untuk mentaksir dengan lebih mudah dan cepat mengikut pentaksiran KSSM yang baharu. Pentaksiran ini memudahkan guru untuk menilai proses pengajaran dan pembelajaran terutama sekali dalam kategori serangan iaitu permainan bola jaring. Menurut Abu Bakar (1995), keberkesanannya sesuatu program atau inovasi bergantung kepada kepakaran seseorang dalam kalangan penggubal mahupun pembina.

Selain itu, guru juga perlu meningkatkan pengetahuan dan berusaha untuk memahami konsep pentaksiran melalui PBS serta menghadiri bengkel atau kursus yang disediakan supaya mereka bersedia untuk menerima perubahan ataupun transformasi terkini. Penyelidik mengharapkan agar penyelidikan ini dapat mendatangkan kebaikan dan manfaat kepada pihak-pihak tertentu seperti Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM), Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).



Hasil dapatan kajian ini diharapkan agar Lembaga Peperiksaan Malaysia dapat merangka satu konsep pentaksiran yang berkesan bagi menyediakan murid supaya dapat mengimbangkan segala ilmu pengetahuan dari aspek inovasi, kreativiti, serta penyelesaian masalah dan kepimpinan dalam kalangan murid. Seterusnya, LPM perlu merancang satu kaedah yang terbaik dan sesuai seperti PBS agar sistem penilaian dapat dijalankan dengan lebih baik, berkesan dan sistematik. Pentaksiran ini dapat membantu guru dalam proses pentaksiran dan diharapkan agar pentaksiran ini dapat digunakan sebagai instrumen dalam pelaksanaan Sistem Pendidikan Kebangsaan (SPPK) untuk mendapatkan pentaksiran yang menyeluruh merangkumi aspek kognitif, psikomotor dan afektif.

Tambahan pula, melalui penyelidikan ini diharapkan agar KPM dan penggubal kurikulum di bahagian BPK dapat bekerjasama untuk membina satu modul dan item pentaksiran bagi mata pelajaran Pendidikan Jasmani yang lebih holistik supaya murid lebih gembira terhadap proses PdPc dan bersikap positif terhadap mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Dapatan kajian ini diharapkan mampu memberi kefahaman tentang amalan pentaksiran yang berkesan bagi mata pelajaran Pendidikan Jasmani.

Kajian ini juga membolehkan KPM melalui Bahagian Buku Teks sebagai panduan asas bagi penyediaan buku teks yang lebih holistik dan memeberi penekanan kepada aspek afektif selain penambahbaikan terhadap item pentaksiran. Selain itu, dapat menjadikan buku teks sebagai agen pemudahcara kepada guru-guru dalam proses pentaksiran pembelajaran murid meliputi aspek pembelajaran psikomotor, kognitif dan afektif bagi kemahiran asas permainan kategori serangan.





Melalui lembaga pihak sekolah dan para pendidik terutama sekali guru diharapkan agar instrumen pentaksiran bola jaring ini dapat menjadi panduan serta membantu guru-guru sebagai pemudah cara dalam menjalankan PdPc melalui pentaksiran. Tambahan pula, melalui intsrumen pentaksiran ini diharapkan dapat menyelesaikan masalah guru-guru berkaitan dengan kekeliruan dan masalah berkaitan dengan pentaksiran. Pihak pentadbiran di sekolah perlu memastikan supaya sistem pentaksiran bagi mata pelajaran Pendidikan Jasmani ditadbir dan diurus secara sistematik dan terancang seperti mana yang telah ditetapkan oleh pihak LPM. Pihak Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti juga boleh menjadikan pentaksiran ini sebagai panduan bagi membuat penilaian untuk calon guru cemerlang dan menilai markah prestasi tahunan terhadap guru mata pelajaran Pendidikan Jasmani.



PdPc berkembang secara menyeluruh dan holistik. Murid dapat mengetahui tahap pembelajaran melalui standard prestasi dan dapat memperbaiki kelemahan yang ada melalui pencapaian masing-masing melalui pentaksiran.

Selain itu, laporan berkaitan pentaksiran Pendidikan Jasmani ini perlu dihantar kepada pihak KPM melalui *online* PAJSK terutama sekali laporan Ujian Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan (SEGAK) untuk melihat sejauh mana kemampuan murid melakukan aktiviti kecergasan. Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) perlu juga melakukan tinjauan supaya pentaksiran keatas mata pelajaran Pendidikan Jasmani ini dapat dilakukan mengikut perancangan yang telah diarahkan oleh LPM. Sektor Pengurusan Akademik perlu menjalankan kursus-kursus berkenaan pentaksiran supaya konsep pentaksiran ini lebih difahami dengan





lebih mendalam oleh guru dan ilmu pentaksiran yang diperolehi dapat digunakan sebaik mungkin di sekolah.

Menurut Azizi Ahmad (2014) faktor yang paling penting untuk melaksanakan pentaksiran adalah pengetahuan dan kemahiran guru serta sokongan dan sumber yang ada. Selain daripada guru pendidikan jasmani, ketua panitia pendidikan jasmani dan panitia serta guru bidang juga perlu memainkan peranan sebagai agen pelaksana dalam menjalankan pentaksiran dan bekerja sebagai satu pasukan. Mereka juga perlu bersikap positif supaya kerja yang dihasilkan dapat meningkatkan kreabilitinya sebagai seorang pentaksir dan juga dapat membantu guru yang bukan opsyen mengendalikan PBS dengan baik. Dengan itu, mereka lebih faham dan fokus mengenai tanggungjawab yang mereka pikul.



1.7 Batasan Kajian

Terdapat juga beberapa faktor batasan yang perlu dihadapi oleh penyelidik untuk menyelesaikan kajian ini termasuk faktor cuaca, kompetensi guru dan kesungguhan murid mengikuti kelas Pendidikan Jasmani.

Aktiviti pembelajaran Pendidikan Jasmani yang melibatkan aktiviti fizikal sering dilaksanakan di luar bilik darjah iaitu di padang. Punca pembelajaran Pendidikan Jasmani tidak dapat dijalankan ialah faktor cuaca yang tidak boleh diramal, terutama sekali ketika cuaca hujan yang menyebabkan PdPc terganggu dan





kelas terpaksa ditangguhkan. Oleh sebab yang demikian, penyelidik memperuntukan tambahan masa bagi murid menjawab pentaksiran

Selain itu, kesungguhan murid untuk menjalankan aktiviti pembelajaran pendidikan jasmani menjadi isu. Kekangan untuk mendapatkan data disebabkan oleh murid tidak mengambil bahagian dalam aktiviti PdPc di padang. Ini disebabkan oleh murid-murid tidak mahu untuk menggunakan pakaian sukan semasa kelas pendidikan jasmani berlangsung. Oleh sebab prosedur sekolah tidak membenarkan murid menjalankan aktiviti pendidikan jasmani tanpa pakaian pj, maka penyelidik akur atas arahan tersebut. Dalam aspek pengumpuan data, terdapat pengurangan dari jumlah keseluruhan murid.



Dengan demikian, penyelidik menetapkan guru yang terlibat dalam penyelidikan ini hanya guru yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya dua tahun dalam mengajar Pendidikan Jasmani yang menggunakan KSSM. Ini kerana pengalaman guru memain peranan dalam mempengaruhi proses pentaksiran dan PdPc.

1.8 Definisi Operasional

Penyelidikan kajian ini lebih berfokus kepada definisi operasional yang akan dinyatakan. Definisi adalah berkisar kepada tujuan dan objektif sebagai panduan penyelidik sepanjang kajian dijalankan.





1.8.1 Pentaksiran

Murid perlu menguasai sesuatu kemahiran kerana pentaksiran ialah satu bentuk pengujian yang memerlukan murid melaksanakan sesuatu tugas. Ini kerana pencapaian murid dinilai berdasarkan kebolehannya dalam melaksanakan tugas yang diberikan. Menurut Gredler (1996), pentaksiran juga dikenali sebagai penilaian alternatif. Selain itu, Joshua (2004) menyatakan bahawa pentaksiran merupakan dasar untuk membuat keputusan bagi mendapatkan bukti terhadap tugas yang diberikan dan diperolehi dari pelbagai sumber yang sahih.

Di sekolah menengah, pentaksiran merupakan hasil data yang dikumpul dari pelbagai aspek iaitu produk yang dihasilkan, isu serta proses. Pentaksiran dinilai berdasarkan kepada tugas yang diberikan oleh guru serta tahap kemampuan murid tersebut untuk mendapatkan tahap pencapaian yang tertinggi. Pentaksiran dalam kajian ini dibina berdasarkan kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran dan Buku Teks Pendidikan Jasmani Tingkatan 1 dalam Kategori Serangan iaitu permainan bola jaring.

Terdapat empat tajuk kecil iaitu (1) Simpan Saya (menghantar dan menerima bola) (2) *Watch Your Step!* (Gerak Kaki), (3) Sedia, Jaring, Gol! (menjaring) dan (4) *Touch Down* (mengadang). Pentaksiran ini dilaksanakan dengan cara penilaian kendiri yang membolehkan murid menilai dan seterusnya membuat rumusan terhadap penilaian pembelajaran murid.





1.8.2 Tahap Penguasaan

Bagi melihat pencapaian murid, satu kaedah di bentuk bagi melihat pembelajaran murid berdasarkan tahap penguasaan yang terkandung dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah. Tahap penguasaan ini merangkumi kemahiran dan nilai serta pengetahuan yang telah tertakluk dalam kurikulum. Selain itu, murid dinilai berdasarkan enam tahap penguasaan yang disusun secara hierarki bagi menunjukkan aras penguasaan murid.

Dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) terdapat enam tahap penguasaan yang telah dicadangkan bagi mentaksir murid. Tahap penguasaan minimum yang telah ditetapkan mengikut Standard Prestasi ialah pada Tahap Penguasaan 3. Pada tahap ini, penggunaan pengetahuan sedia ada murid boleh digunakan bagi melaksanakan sesuatu tugas atau kemahiran pada sesuatu situasi permainan. Tahap Penguasaan setiap pernyataan telah ditafsirkan secara generik dalam semua jenis mata pelajaran yang menjadi petunjuk aras tertentu untuk memberi gambaran holistik tentang pencapaian murid. Jadual 1.1 merupakan Hierarki Pernyataan Umum Tahap Penguasaan dan Tafsiran Pendidikan Jasmani Tingkatan 1.



Jadual 1.1

Pernyataan Umum Tahap Penguasaan dan Tafsiran Pendidikan Jasmani

Tahap Penguasaan		Tafsiran
1	Tahu	Murid tahu perkara asas atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas
2	Tahu dan faham	Murid menunjukkan kefahaman dengan menjelaskan sesuatu perkara yang dipelajari dalam bentuk komunikasi
3	Tahu, faham dan boleh buat	Murid menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi
4	Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab	Murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab iaitu mengikut prosedur atau secara analitik dan sistematik
5	Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab terpuji	Murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baharu dengan mengikut prosedur atau secara analitik dan sistematik serta tekal dan bersikap positif
6	Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab mithali	Murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk digunakan pada situasi baharu secara analitik, sistematik, bersikap positif, kreatif dan inovatif dalam penghasilan idea baharu serta boleh dicontohi

Jadual 1.1 menunjukkan pernyataan umum tahap penguasaan dan tafsiran yang menunjukkan perkara-perkara yang patut dipelajari dan perlu disampaikan dalam proses PdPc Pendidikan Jasmani.

1.8.3 Standard Prestasi

Standard Prestasi memberi makna kepada pernyataan atau huraiyan terhadap pembelajaran murid yang diperkembangkan serta dinilai melalui standard serta memperlihatkan tahap penguasaan murid dalam perkembangan pembelajaran.



Terdapat dua jenis perkembangan didalam standard iaitu (1) perkembangan secara mendatar iaitu konstruk dan (2) perkembangan menegak iaitu tahap penguasaan. Standard Prestasi ini dibina adalah untuk memberi garis panduan kepada para guru supaya penambahbaikan berlaku dalam sistem pentaksiran sekolah selaras dengan pelaksanaan Pentaksiran Rujukan Standard (KPM, 2016).

Melalui Standard Prestasi, pihak ibu bapa khususnya dapat melihat pencapaian yang dikuasai oleh anak-anak setelah mereka menjalani proses pembelajaran dalam jangka masa yang tertentu. Tambahan pula, guru boleh melihat secara langsung pencapaian murid dan melihat adakah matlamat pembelajaran tercapai melalui pentaksiran serta yang pasti guru boleh melihat kelemahan murid dengan lebih cepat. Bagi persepsi murid pula, mereka lebih tahu dan apa yang perlu dicapai serta kuasai supaya murid dapat mengenalpasti kesilapan dan seterusnya memperbaiki dengan segera.

Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi merupakan lajur bagi setiap mata pelajaran yang asasnya terdiri dari Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Jadual 1.2 merupakan tafsiran umum bagi setiap standard:





Jadual 1.2

Tafsiran Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Standard Prestasi
Pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.	Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.	Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap penguasaan yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid.

Sumber: Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (KPM, 2018)

Setiap mata pelajaran mempunyai Standard Prestasi masing-masing berdasarkan kepada Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran. Kesimpulannya Standard Prestasi merupakan salah satu alat untuk dijadikan kayu ukur bagi standard pendidikan supaya perbandingan dapat dibuat dengan negara lain.



1.8.4 Standard Prestasi Pendidikan Jasmani

Standard Prestasi bercirikan rubrik yang dibina dan murid perlu menguasainya seperti bidang kemahiran dan kecergasan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Penggunaan taksonomi seperti psikomotor, kognitif dan afektif digunakan sebagai asas bagi membina Tahap Penguasaan dalam Standard Prestasi. Terdapat 6 Tahap Penguasaan yang diperkenalkan dalam KSSM yang mana Tahap Penguasaan 1 terendah dan sehingga tertinggi iaitu Tahap Penguasaan 6.



Bagi mata pelajaran Pendidikan Jasmani Tingkatan 1, Dokumen Standard Prestasi (DSP) telah dibina sebagai panduan kepada guru untuk mengetahui sejauh mana murid mengetahui sesuatu maklumat dan boleh buat serta penguasaan apa yang telah mereka pelajari mengikut ketetapan melalui Standard Pembelajaran dan Standard Kandungan serta selaras dengan Standard Prestasi.

Jadual 1.3

Standard Prestasi

Tahap Penguasaan	Tafsiran
1	<ul style="list-style-type: none">• Boleh melakukan kemahiran asas menghantar, menerima, gerak kaki, menjaring dan mengacah.
2	<ul style="list-style-type: none">• Boleh melakukan dan menerangkan penggunaan daya semasa menghantar bola, mekanik lakuan dan serapan daya semasa menerima bola, peranan kaki yang menjadi paksi semasa mendarat, kemahiran menjaring bola, kemahiran mengadang dan cara lakuan mengacah dalam situasi permainan.• Boleh melakukan dan menyenaraikan kemahiran asas bola jaring yang digunakan untuk menyerang dan bertahan dalam situasi permainan.
3	<ul style="list-style-type: none">• Boleh mengingati dan mengaplikasi penggunaan daya dan mekanik lakuan kemahiran asas menjaring, mekanik lakuan dan serapan daya semasa menerima bola, kemahiran gerak kaki, mengadang dan mengacah semasa menyerang dan bertahan dalam situasi permainan.
4	<ul style="list-style-type: none">• Boleh menyatakan dan mengaplikasi penggunaan daya dan mekanik lakuan kemahiran menghantar dan menjaring, mekanik lakuan dan serapan daya semasa menerima bola, kemahiran gerak kaki, mengadang dan mengacah dengan lakuan yang betul semasa menyerang dan bertahan dalam situasi permainan.
5	<ul style="list-style-type: none">• Boleh merancang dan mengenal pasti strategi semasa menyerang dan bertahan dengan menggunakan kemahiran menghantar, menerima, gerak kaki, menjaring, mengadang dan mengacah dalam situasi permainan.• Boleh berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa bermain bola jaring.
6	<ul style="list-style-type: none">• Boleh membuat justifikasi berdasarkan strategi melakukan serangan dan bertahan untuk meningkatkan prestasi dalam kemahiran menghantar, menerima, gerak kaki, menjaring, mengadang dan mengacah dalam situasi permainan.• Boleh mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan semasa bermain bola jaring.• Boleh bermain bola jaring untuk meningkatkan kecerasan fizikal sebagai amalan gaya hidup sihat.

Sumber: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 1(KPM, 2016)

1.8.5 Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Jasmani Tingkatan 1

Kurikulum baharu yang diperkenalkan ialah Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) ini adalah dibangunkan oleh pihak Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) dan telah dilaksanakan pada tahun 2017 oleh murid Tingkatan 1. Pembaharuan KSSM mempunyai tiga aspek utama dan penting iaitu (i) kandungan kurikulum mempunyai penambahbaikan yang mengikut trend global dan mempunyai tanda aras antarabangsa, (ii) guru akan mentaksir dan menilai perkembangan pembelajaran murid secara berterusan (iii) aspek pembelajaran iaitu pedagogi diberi pendekatan pembelajaran secara kontekstual, berkesan, dan lebih mendalam (KPM, 2016).

Secara amnya, kurikulum adalah suatu perancangan yang melibatkan semua bidang kemahiran serta pengetahuan, unsur kepercayaan dan kebudayaan, norma dan mengamalkan nilai murni bagi masyarakat Malaysia. Selain itu, kurikulum berperanan bagi memperkembangkan potensi diri murid secara seimbang dan menyeluruh dari aspek jasmani, intelek, rohani dan sosial. Tambahan pula, kurikulum dapat membentuk sifat dan keperibadian yang baik bagi melahirkan rakyat yang terlatih serta mahir untuk keperluan Negara.

Selain itu, pelaksanaan PBS masih diteruskan dan guru bertanggungjawab untuk melaksanakan pentaksiran sekolah (PS) dengan berpandukan prosedur dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak LPM. Proses pentaksiran dapat dijalankan dengan lebih berkesan dengan pelbagai strategi dan pendekatan supaya PdPc lebih menarik. Tambahan pula, pentaksiran dilakukan dan dilaksanakan melalui penggunaan instrumen dan guru memberi markah atau tahap penguasaan mengikut



keupayaan murid semasa pentaksiran berlangsung. Setelah pentaksiran siap, guru perlu merekod kemajuan murid dan menyediakan tahap penguasaan murid untuk memberi maklumat kepada ibu bapa, pentadbir sekolah dan pihak berkepentingan bagi melihat sejauh mana penguasaan murid terhadap sesuatu topik yang telah dipelajari.

Pengubalan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Jasmani bertujuan untuk mengenal pasti sesuatu pencapaian murid di Malaysia telah mencapai tahap atau standard yang ditetap bagi Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Tambahan pula, melalui Kurikulum Standard Sekolah Menengah dalam bidang Pendidikan Jasmani Tingkatan 1 kemenjadian murid dapat diterjemahkan supaya melahirkan murid berkemahiran, berpengetahuan dan sikap positif serta nilai bagi mengekalkan kecerdasan fizikal dan kesihatan.

1.8.6 Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Jasmani Tingkatan 1

Kurikulum dan pentaksiran adalah gabungan dokumen dari dua aspek dikenali sebagai Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Selain itu, Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi adalah kurikulum baharu yang digabungkan menjadi satu dokumen didalam DSKP. Ketiga-tiga standard ini perlu dikuasai oleh murid termasuklah kemahiran, nilai dan pengetahuan.



Tujuan DSKP ini adalah untuk membantu para guru mentaksir dan melancarkan proses pentaksiran. Ini kerana semasa proses PdPc guru hanya perlu merujuk DSKP sebagai panduan untuk menjalankan pentaksiran. Dengan adanya kurikulum yang baharu ini, melalui Standard Pembelajaran guru dapat mentaksir pencapaian dan perkembangan murid. Standard Kandungan diukur melalui Standard Pembelajaran untuk melihat kualiti pencapaian dan pembelajaran murid.

1.8.7 Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran

Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah yang mana dahulunya dikenali sebagai Sukatan Pelajaran (SP) dan Huraian Sukatan Pelajaran (HSP). Standard Kandungan membawa maksud berkaitan dengan pernyataan spesifik di mana murid perlu mengetahui dan melakukan tugas mengikut tempoh masa tertentu dalam satu tahun persekolahan. Dokumen bagi Standard Kandungan Pendidikan Jasmani Tingkatan 1 telah disusun mengikut bidang yang terdiri daripada kandungan kurikulum yang dikelompokkan daripada pengetahuan, kemahiran, dan nilai yang telah dikenal pasti untuk dikuasai dan dicapai. Manakala bagi Standard Pembelajaran pula, merupakan satu kriteria yang telah ditetapkan ataupun menjadi indikator pembelajaran serta setiap Standard Kandungan dapat mengukur pencapaian murid.

Standard Kandungan bersifat jangka masa panjang yang mengandungi Dokumen Standard Kurikulum. Bagi mencapai objektif pembelajaran standard ini menekankan aspek yang menyeluruh dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Berdasarkan kepada Standard Kandungan Pendidikan Jasmani Tingkatan 1, terdapat dua bidang kemahiran iaitu Bidang Kemahiran dan Bidang Kecergasan. Bola jaring adalah salah satu tajuk yang mewakili dalam bidang kemahiran iaitu Kategori Serangan melibatkan bola sepak dan bola jaring.

Jadual 1.4

Aspek 1: Kemahiran Pergerakan (Domain Psikomotor)

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p>Kemahiran Asas Bola Jaring</p> <p>1.4 Melakukan kemahiran asas bola jaring dengan lakuhan yang betul.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>1.4.1 Melakukan pelbagai kemahiran menghantar bola ke pelbagai arah dalam situasi permainan</p> <p>1.4.2 Melakukan kemahiran menerima bola dengan kedua-dua belah tangan dan sebelah tangan dari pelbagai arah dan aras dalam situasi permainan</p> <p>1.4.3 Melakukan kemahiran gerak kaki dengan mendarat menggunakan kedua-dua belah kaki, sebelah kaki dan $1\frac{1}{2}$ langkah setelah menangkap bola dalam situasi permainan</p> <p>1.4.4 Melakukan kemahiran menjaring secara statik dan menjaring gerak selangkah dari pelbagai jarak dalam situasi permainan</p> <p>1.4.5 Melakukan kemahiran mengadang dari posisi belakang, posisi sisi, dan posisi depan dalam situasi permainan</p> <p>1.4.6 Melakukan kemahiran mengacah dengan <i>dodge</i> dalam situasi permainan.</p>

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016



Jadual 1.5

Aspek 2: Aplikasi Pengetahuan Dalam Pergerakan (Domain Kognitif)

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
--------------------	-----------------------

**Pengetahuan Konsep Pergerakan dan Prinsip
Mekanik Dalam Kemahiran
Asas Bola Jaring**

Murid boleh:

- 2.4 Menggunakan pengetahuan konsep pergerakan dan prinsip mekanik dalam kemahiran asas bola jaring

2.4.1 Mengenal pasti kemahiran menghantar bola yang sesuai digunakan mengikut situasi permainan.

2.4.2 Menjelaskan mekanik lakuan yang betul semasa menerima bola dari pelbagai arah dan aras.

2.4.3 Mengenal pasti kaki yang akan melangkah selepas mendarat sebelum menghantar bola.

2.4.4 Memerihal peranan pivot dalam kemahiran gerak kaki.

2.4.5 Menjelaskan kemahiran menjaring yang sesuai digunakan berdasarkan situasi permainan.

2.4.6 Mengenal pasti kemahiran mengadang yang sesuai digunakan berdasarkan situasi permainan.

2.4.7 Menerangkan cara melakukan kemahiran mengacah yang sesuai digunakan berdasarkan situasi permainan.

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016





Jadual 1.6

Aspek 5: Kesukunan (Domain Afektif)

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
Pengurusan dan Keselamatan	Murid boleh:
5.1 Mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan	<p>5.1.1 Bersedia dari segi pakaian, peralatan dan kawasan yang selamat dan sesuai</p> <p>5.1.2 Mengenal pasti peralatan keselamatan yang boleh mengurangkan risiko kecederaan berdasarkan aktiviti fizikal tertentu</p> <p>5.1.3 Mematuhi langkah-langkah keselamatan semasa melakukan aktiviti fizikal</p>
Tanggungjawab Kendiri	
5.2 Menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab kendiri semasa melakukan aktiviti fizikal	<p>5.2.1 Mempamerkan keseronokan semasa melakuakn aktiviti</p> <p>5.2.2 Menetapkan matlamat kendiri dalam melakukan aktiviti</p> <p>5.2.3 Melibatkan diri dalam merancang aktiviti fizikal untuk mencapai matlamat</p> <p>5.2.4 Membuat keputusan untuk diri sendiri dan orang lain semasa melakukan aktiviti dalam pelbagai situasi</p>
Dinamika Kumpulan	
5.4 Membentuk kumpulan dan bekerjasama	<p>5.4.1 Memainkan peranan secara aktif semasa melakukan aktiviti dalam kumpulan</p> <p>5.4.2 Bekerjasama mencapai matlamat yang sama semasa melakukan aktiviti fizikal dalam kumpulan</p> <p>5.4.3 Bekerjasama menyelesaikan masalah yang berlaku semasa melakukan aktiviti fizikal dan bersepakat dalam membuat penyelesaian</p>
Etika dalam Sukan	
5.5 Mengaplikasikan etika dalam sukan semasa melakukan aktiviti fizikal	<p>5.5.1 Mempamerkan etika kesukanan sebagai pemain dan penonton.</p> <p>5.5.2 Mempamerkan semangat kesukanan dan permainan bersih (fairplay) dalam permainan.</p>

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016





Bagi tujuan pengajaran Bidang Kemahiran, guru perlu menggunakan Aspek 1 (Psikomotor), Aspek 2 (Kognitif) dan Aspek 5 (Afektif) secara serentak (Kurikulum, 2016). Jadual 1.3 hingga Jadual 1.5 merupakan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran bagi mata pelajaran Pendidikan Jasmani.

Perubahan sistem pendidikan masa kini sedikit sebanyak telah mengubah cara pembelajaran bagi mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Ini terbukti apabila wujudnya Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Pendidikan Jasmani dimana teknik *Teaching Games for Understanding* (TGfU) diketengahkan dalam Bidang Kemahiran iaitu Kategori Serangan. Teknik TGfU membolehkan semua murid merasai peluang untuk bermain bersama-sama sebagai satu pasukan (Werner et al., 1996). Menurut (Bunker & Thorpe, 1982) menyatakan bahawa pendekatan TGfU ini merupakan pendekatan bagi menggantikan teknik kemahiran belajar kedalam konteks permainan yang membolehkan murid melihat perkaitan diantara teknik kemahiran dalam situasi permainan yang sebenar. Kesimpulannya, dengan menggunakan teknik TGfU ini, murid dapat membina dan mengetahui mengenai taktikal dan kemahiran melalui modifikasi situasi permainan.



1.8.8 Kategori Sekolah

1.8.8.1 Sekolah Harian Biasa

Sekolah Harian Biasa atau Sekolah Menengah Kebangsaan ialah sebuah sekolah sepenuhnya milik kerajaan Malaysia yang muridnya terdiri daripada Tingkatan 1 sehingga 5. Selain itu, beberapa buah Sekolah Harian Biasa juga mempunyai kelas peralihan untuk murid-murid yang mempunyai masalah pembelajaran. Sekolah Harian Biasa terdiri daripada murid lepasan UPSR yang tidak dapat memasuki sekolah berlainan kategori iaitu Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Sekolah Seni, Sekolah Berasrama Penuh (SBP) ataupun sekolah mempunyai status yang menjalankan proses temuduga. Sekolah Harian Biasa merupakan sekolah yang terdiri daripada murid yang tidak dapat memasuki mana-mana sekolah yang terpilih dan seterusnya menjadi pilihan untuk meneruskan pelajaran mereka selepas Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR).

1.8.8.2 Sekolah Kluster Kecemerlangan

Sekolah Kluster Kecemerlangan merupakan sebuah sekolah yang mempunyai kecemerlangan dari aspek pengurusan sekolah mahupun kemenjadian murid. Sekolah Kluster Kecemerlangan ditubuhkan pada 16 Januari 2006 melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) Bab 9 iaitu bagi mengembangkan sepenuhnya potensi sekolah dalam kluster kecemerlangan yang mekanismenya dinyatakan dalam



Teras Strategik Ke-6, Melonjakkan Kecemerlangan Institusi Pendidikan (Sekolah Kluster Kecemerlangan, 2018). Terdapat beberapa pra syarat dan syarat yang perlu dipatuhi oleh pihak sekolah bagi melayakkan sekolah tersebut mendapat gelaran Sekolah Kluster Kecemerlangan. Sekolah Kluster Kecemerlangan mempunyai kebitaraannya tersendiri yang melambangkan imej Sekolah Kluster Kecemerlangan tersebut.

1.8.8.3 Sekolah Berasrama Penuh

Golongan murid yang cemerlang dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) boleh memohon untuk mendapatkan tempat di Sekolah Berasrama Penuh. Definasi Sekolah Berasrama Penuh ialah kumpulan sekolah menengah perdana yang dikhaskan kepada golongan murid yang cemerlang dalam akademik ataupun Ko-Kurikulum. Sekolah Berasrama Penuh ini terbuka kepada Bumiputera sebanyak 90 peratus dan juga 10 peratus bagi bukan Bumiputera. Selain itu, Sekolah Berasrama Penuh mempunyai keistimewaan dan kualiti yang tersendiri iaitu murid mestilah mematuhi setiap peraturan yang telah ditetapkan oleh pentadbiran sekolah seperti masa belajar.

